

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/12/2018

# Hayati ajaran al-Quran jika mahu berjaya

BH - 31/12/2018 m/s: 3

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menghayati ajaran al-Quran jika mahu berjaya dan bersaing dengan kaum lain di negara ini.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang juga Perdana Menteri, berkata kelemahan dan kegagalan orang Melayu bersaing dalam pelbagai bidang, terutama ekonomi di negara ini banyak bergantung kepada kefahaman mereka kepada ajaran murni dalam al-Quran.

Katanya, Melayu di negara ini

tidak sepatutnya hanya berbangga dengan agama Islam yang mereka anuti, sebaliknya jika mahu berjaya hendaklah mengamalkan ajaran yang terkandung dalam al-Quran.

“Kita hanya bangga dengan Islam yang kita anuti, tetapi malangnya banyak ajaran Islam yang tidak kita ikuti. Ini menyebabkan kita gagal. Kita sembahyang Jumaat, berpuasa, berzakat, mengerjakan haji dan umrah banyak kali, tetapi amalan lain tak buat.

“Yang ada dalam al-Quran supaya kita rajin, amanah dan

disiplin, kita ketepikan. Kalau kita kembali kepada ajaran al-Quran dan pegang nilai hidup di dalamnya, kita akan tetap berjaya.

**Sekolah tahfiz dikaji semula**  
“Percayalah, kerana semua yang diajar dalam al-Quran baik belaka,” katanya ketika mengulung perbincangan Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) BERSATU kali kedua di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Dr Mahathir turut berkata,

disebabkan kegagalan orang Melayu memahami dan menghayati ajaran al-Quran, pengajaran ilmu al-Quran di sekolah tahfiz akan dikaji semula.

“Ramai yang mengeluarkan wang berjuta mendirikan sekolah tahfiz, tetapi jika hanya sekadar baca tanpa fahami maksudnya, ia tidak memberi ajaran kepada kita.

“Sebab itu sekolah tahfiz ini kita perlu selidik apa yang diajar di situ yang menyebabkan kita gagal. Kalau ada keperluan kita betulkan dan kembalikan ajaran al-Quran sebenarnya,” katanya.